

## **NHF peruntuk perbelanjaan modal RM30 juta bagi tahun kewangan 2019**

Tarikh kemaskini: 31/05/2019

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Pengeluar alat ganti automotif, New Hoong Fatt Holdings Bhd (NHF), memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM30 juta bagi tahun kewangan 2019 untuk meningkatkan pengeluaran.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin berkata pada tahun kewangan 2018, perbelanjaan modal berjumlah RM39.4 juta, berkurangan sebanyak 30.4 peratus berbanding RM56.6 juta pada tahun kewangan 2017.

"Perbelanjaan modal itu sebahagian besarnya untuk pembangunan acuan bagi produk baharu, serta pelaburan dalam kilang baharu dan jentera, untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kecekapan.

"Bagi tahun ini, kami mahu mengukuhkan dan mengembangkan perniagaan teras pengeluaran dan pengedaran alat ganti automotif untuk pasaran tempatan dan luar negara, yang kekal menjadi keutamaan kami," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Menurut Chin, NHF terus melaksanakan pelbagai inisiatif pengurusan tenaga kerja untuk membina kumpulan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan cekap untuk melaksanakan strategi, sekali gus memastikan kejayaan kumpulan dalam jangka masa panjang.

Pada tahun kewangan 2018, kumpulan itu melabur sebanyak RM0.4 juta ke atas 31 pelajar sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan modal insan, khusus dalam program Malaysia Meister dan Apprenticeship.

"Kami percaya bahawa pelaburan ini penting kepada kami untuk mencapai matlamat kami. Ia sejajar dengan langkah kerajaan untuk memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional untuk meningkatkan daya saing negara dan melengkapkan tenaga kerja tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk revolusi perindustrian keempat," kata Chin.

Bagi tahun kewangan 2018, keuntungan bersih NHF merosot kepada RM14 juta berbanding RM20.33 juta pada tahun sebelumnya, manakala perolehan naik 2.6 peratus kepada RM257 juta daripada RM250.6 juta.

Pemintaan tinggi daripada pasaran tempatan menjadi pemacu utama di sebalik pertumbuhan yang baik, manakala perolehan dari pasaran luar negara menerima kesan daripada impak pertukaran asing yang kurang menggalakkan.

Jualan tempatan menyumbang sebanyak 48.7 peratus kepada jumlah perolehan pada tahun kewangan 2018, dengan baki 51.3 peratus daripada jualan eksport.

Mengenai masa depan, ASEAN kekal menjadi tumpuan utama NHF berikutan kumpulan itu melihat potensi yang besar di rantau tersebut.

Chin berkata terdapat sebanyak 220 juta kenderaan motor berdaftar sehingga 2017 di ASEAN dan ini akan memerlukan alat ganti.

"Di sini kumpulan akan memainkan peranan yang penting, menjadi pembekal alat ganti utama di rantau ini. Kami juga akan meraih manfaat daripada Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN yang akan meningkatkan daya saing kami," katanya.

-- BERNAMA